



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH  
جَبَاتِنْ حَالِ اَهْوَالِ اَلْاِئِمَّةِ اَلْاِسْلَامِ نِجَرِي سَابَاہِ

## KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

02 RAMADAN 1444H / 24 MAC 2023M

### POLIS DAN MASYARAKAT BERPISAH TIADA

Disediakan oleh

Bahagian Penyelidikan & Sebaran Am  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)  
Dengan Kerjasama  
Polis Diraja Malaysia (PDRM)

#### Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.

#### KHUTBAH TELAH DISEMAK

TARIKH DISEMAK : 14. 03. 2023

PEGAWAI PENYEMAK : M. Z. Rahman

MOHD ZARATKHAN ABD RAHMAN

#### KHUTBAH RASMI JHEAINS

DILULUSKAN PADA: 15/03/2023

DIBACA PADA: 24/03/2023

DILULUSKAN OLEH: BAHARUDDIN HJ. ALWI

BAHARUDDIN HJ. ALWI  
Ketua Penolong Pengarah  
Bahagian Penyelidikan & Informasi



Mohon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

**KHUTBAH PERTAMA**  
**POLIS DAN MASYARAKAT BERPISAH TIADA**

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ  
بِاللَّهِ وَلَوْ ءَامَنَ أَهْلُ الْكِتَابِ لَكَانَ خَيْرًا لَهُمْ مِنْهُمْ الْمُؤْمِنُونَ وَأَكْثَرُهُمْ

الْفَاسِقُونَ ﴿١١٠﴾ (سورة آل عمران (3): 110)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ،  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ،  
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، تَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَى، فَقَدْ فَازَ

الْمُتَّقُونَ.

**SIDANG JEMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,**

Marilah kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintah-Nya dan

meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan di akhirat.

Bersempena Peringatan Hari Polis ke-216 yang jatuh pada 25 Mac ini, mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk: **"POLIS DAN MASYARAKAT BERPISAH TIADA"**.

**SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Islam adalah agama keamanan. Allah SWT menghendaki hamba-Nya menyeru kepada kebaikan iaitu menyuruh kepada melakukan kebaikan dan mencegah daripada melakukan kemungkarannya sebagai asas membina masyarakat yang harmoni dan negara yang maju. Firman Allah SWT di dalam surah Ali 'Imran ayat 110 yang dibacakan di permulaan khutbah tadi yang **bermaksud:**

*"Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman). Dan kalaulah Ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) itu beriman (sebagaimana yang semestinya), tentulah (iman) itu menjadi baik bagi mereka. (Tetapi) di antara mereka ada yang beriman dan kebanyakan mereka orang-orang yang fasik".* **(QS Ali 'Imran (3):110)**

Dengan wujudnya keamanan, masyarakat dapat melaksanakan aktiviti harian mereka dengan tenang dan lancar. Dengan terjaminnya keselamatan, setiap warganegara boleh melakukan pekerjaan tanpa rasa takut dan bimbang. Selain itu, ia juga adalah pemangkin kepada kestabilan politik, pertumbuhan ekonomi dan keutuhan sosial sesebuah negara.

Tanpa keamanan dan keselamatan, sesebuah negara tidak akan dapat mencapai sebarang kemajuan.

Dalam konteks negara kita Malaysia, Polis Diraja Malaysia (PDRM) bertanggungjawab dan diberikan mandat dalam urusan memelihara undang-undang dan ketenteraman, mengekalkan keamanan dan keselamatan Malaysia, mencegah dan mengesan penjenayah, menangkap dan mendakwa pesalah, serta mengumpul risikan keselamatan.

Perkara ini jelas termaktub di dalam Akta Polis 1967, Seksyen 3 (3). Sememangnya kita mengakui bahawa, anggota keselamatan menjalankan peranan menepati semua aspek dalam Maqasid Syariah iaitu memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

#### **PARA JEMAAH YANG BERBAHAGIA!**

Sememangnya, kerja dan aktiviti kepolisan ini bukan sesuatu yang baharu, bahkan telah wujud sejak zaman Rasulullah SAW lagi apabila Baginda SAW pernah melantik Qais bin Saad Radhiyallahu 'Anhu sebagai ketua keselamatan di Kota Madinah.

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ قَالَ إِنَّ قَيْسَ بْنَ سَعْدٍ كَانَ يَكُونُ بَيْنَ يَدَيْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ

عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِمَنْزِلَةِ صَاحِبِ الشُّرْطِ مِنَ الْأَمِيرِ

**Mafhumnya:** "Dari Anas bin Malik berkata bahawa Qais bin Saad pernah berada di hadapan Nabi SAW dengan tugasnya sebagai penjaga keselamatan pemerintah."

Malah, ketika zaman Saidina Umar bin al-Khattab Radhiyallahu 'Anhu menjadi khalifah, beliau telah menyusun semula struktur pentadbiran negara bagi memastikan kelicinan jentera pemerintahannya dengan mewujudkan sebuah pasukan keselamatan bagi menjaga keamanan orang awam. Jelaslah bahawa, polis atau syurthah dalam Islam adalah pihak yang dibentuk untuk melaksanakan perundangan Islam, menjaga ketenteraman dalam negara dan menguatkuasakan arahan pemerintah.

Pekerjaan sebagai anggota polis sebenarnya merupakan pekerjaan yang mulia kerana tugas dan tanggungjawabnya memelihara keamanan dan keselamatan awam agar kekal terpelihara. Semangat, dedikasi dan keikhlasan warga pasukan polis sepanjang menjalankan penugasan untuk terus memberikan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat dengan sanggup menyetepikan kepentingan diri, demi tugas dan amanah kepada negara dapat dilihat dan dinilai oleh masyarakat.

Dalam pada itu, masyarakat juga mestilah memainkan peranan yang sama dalam membendung setiap kegiatan jenayah dan pelanggaran undang-undang daripada berlaku dengan bertindak sebagai mata dan telinga kepada pihak berkuasa dengan memberikan kerjasama serta menyalurkan maklumat agar tindakan segera dapat diambil bagi mencegah dan mengekang sebarang kegiatan jenayah. Sabda Nabi S.A.W yang berbunyi:

مَنْ رَأَى مِنْكُمْ مُنْكَرًا فَلْيُغَيِّرْهُ بِيَدِهِ، فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِلِسَانِهِ، فَإِنْ

لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِقَلْبِهِ، وَذَلِكَ أَضْعَفُ الْإِيمَانِ

**Maksudnya:** *"Barangsiapa antara kamu yang melihat kemungkar, hendaklah dia mengubahnya dengan tangannya. Apabila dia tidak mampu, maka dengan lisannya. Dan apabila dia tidak mampu lagi, maka dengan hatinya. Sesungguhnya yang demikian itu adalah selemah-lemah iman."*

[HR Muslim]

## **SAUDARA MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH!**

Berkat dari kerjasama semua lapisan masyarakat kepada PDRM, statistik menunjukkan penurunan Kadar Jenayah Indeks Malaysia bagi tahun 2022 berbanding tahun 2021 sebanyak 2,155 kes atau 4.1 peratus.

Sebagai rakyat di negara Malaysia yang bertuah ini, kita semua bertanggungjawab dalam memastikan keamanan, kestabilan dan keharmonian semua masyarakat majmuk di negara kita agar ianya terus terpelihara. Kita semua hendaklah saling menghormati tatacara kehidupan sesama kita berdasarkan kepada anutan agama, budaya dan adat resam setiap kaum. Kita juga hendaklah sentiasa memupuk semangat setiakawan, mengelakkan perkara yang boleh menimbulkan sesuatu yang bersifat perkauman dan sentiasa bersedia menyelesaikan sebarang masalah dengan bijaksana dan penuh rasa mahabbah. Selain itu, keamanan yang dikecapi akan lebih bererti dan mampu dipertahankan apabila rakyat berdisiplin dan mengamalkan nilai-nilai yang murni dalam kehidupan seharian. Kemakmuran dan keamanan negara tidak mustahil akan hilang sekiranya perlakuan jenayah dan masalah sosial gagal dibendung bersama. Namun, harus diingat peranan dan tanggungjawab masyarakat lebih utama dalam memastikan keamanan negara terus terpelihara.

Sesungguhnya kekuatan pasukan polis serta kerjasama rakyat menjadi benteng utama dalam mewujudkan keselamatan dan keamanan negara. Tanpa sokongan padu semua pihak, kesejahteraan dan kemakmuran negara tidak akan tercapai.

Mengambil kesempatan bersempena Peringatan Hari Polis ke-216 ini, bersama-samalah kita mendoakan semoga pasukan PDRM sentiasa dianugerahi rahmat dan perlindungan Allah SWT, terus diberi kecekalan dengan cabaran yang mendatang, serta berkhidmat dengan penuh integriti dan tanggungjawab demi agama, bangsa dan negara. Mimbar juga berpesan kepada setiap warga PDRM untuk terus memperkasakan integriti, memantapkan penyampaian perkhidmatan dan mendukung dasar dan usaha kerajaan dalam mengekalkan kesejahteraan masyarakat agar PDRM terus kekal relevan sebagai agensi ulung dan penguatkuasa utama negara.

Mimbar Jumaat pada hari ini juga menyeru seluruh masyarakat berganding bahu serta saling melengkapi dan mengambil tanggungjawab bersama-sama menjaga keselamatan, keamanan dan kesejahteraan negara Malaysia tercinta ini. Allah SWT berfirman dalam surah al-Maidah ayat 2:

... وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ

شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٢﴾

**Maksudnya:** " ... Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertakwa dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan dan bertakwalah kepada

*Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha berat azab seksaNya (bagi sesiapa yang melanggar perintahNya)".*

**(QS al-Maidah (5):2)**

## **JEMAAH JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH SWT!**

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita hayati beberapa kesimpulan sebagai renungan kita bersama :

**Pertama** : Islam adalah agama keamanan dan kesejahteraan yang mementingkan keharmonian dalam sebuah negara.

**Kedua** : Peranan pasukan polis dalam memelihara keselamatan dan keharmonian masyarakat amatlah penting serta selari dengan Prinsip Maqasid Syariah.

**Ketiga** : Melaksanakan tuntutan melakukan perkara yang makruf dan mencegah kemungkaran adalah tanggungjawab setiap diri warganegara Malaysia.

**Keempat** : Adalah menjadi tanggungjawab seluruh rakyat untuk berganding bahu serta bekerjasama dalam mempertahankan keamanan dan kedaulatan negara tercinta ini.

Akhirnya, bersempena dengan peringatan Hari Polis ke 216 ini, mimbar Jumaat merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada pasukan Polis Diraja Malaysia yang banyak berjasa dan menjadi tunjang kepada keamanan, ketenteraman dan kesejahteraan negara terutama sekali di kala umat islam berpuasa dalam bulan Ramadan setiap tahun.



Allah S.W.T berfirman pada ayat ke 185 dalam surah al-Baqarah:

شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ الْهُدَىٰ وَالْفُرْقَانِ  
فَمَن شَهِدَ مِنْكُمُ الشَّهْرَ فَلْيَصُمْهُ ۖ وَمَن كَانَ مَرِيضًا أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِّنْ أَيَّامٍ  
أُخَرَ يُرِيدُ ۗ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ وَلِتُكْمِلُوا الْعِدَّةَ وَلِتُكَبِّرُوا  
اللَّهَ عَلَىٰ مَا هَدَيْكُم ۗ وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿١٨٥﴾

**Maksudnya:** “(Masa yang diwajibkan kamu berpuasa itu ialah) bulan Ramadan yang padanya diturunkan Al-Quran, menjadi petunjuk bagi sekalian manusia, dan menjadi keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk dan (menjelaskan) perbezaan antara yang benar dengan yang salah. Oleh itu, sesiapa dari antara kamu yang menyaksikan anak bulan Ramadan (atau mengetahuinya), maka hendaklah ia berpuasa bulan itu; dan sesiapa yang sakit atau dalam musafir maka (bolehlah ia berbuka, kemudian wajiblah ia berpuasa) sebanyak hari yang ditinggalkan itu pada hari-hari yang lain. (Dengan ketetapan yang demikian itu) Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan, dan Ia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran. Dan juga supaya kamu cukupkan bilangan puasa (sebulan Ramadan), dan supaya kamu membesarkan Allah kerana mendapat petunjuk-Nya, dan supaya kamu bersyukur.”

(QS al-Baqarah (2): 185)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي  
هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## تیک س خطبہ کدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ، وَعَلَى آلِهِ  
وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرُكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ،  
أَمْرُكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ  
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ  
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ ارْضَ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقُرَابَةِ أَجْمَعِينَ وَعَنْ  
التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا  
أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.  
اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَيْنَا وَعَلَى  
مَلِكِنَا كِبَاوَه دُولِي يَغْ مَهَا مَوْلِيَا سِرِي فَاذُوك بَكِينِدَا يَغْ دَفْرَتَوَانِ أَكُوغْ وَفَخَامَةِ الرَّيِّسِ  
الْأَعْلَى تَوَانِ يَغْ تَرَاوَتَامِ يَغْ دَفْرَتَوَانِ نَكْرِي سَابِه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ  
الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَعُوفٌ رَحِيمٌ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا  
وَمَا بَطَّنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ  
قَدِيرٌ.

Ya Allah! Naungilah kehidupan kami dengan kesejahteraan, keamanan, dan keselamatan serta kurniakanlah kepada kami rezeki yang halal lagi diberkati. Hiasilah diri kami dengan sifat-sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat-sifat yang terkeji.

Ya Allah, Jadikanlah kami dan daripada keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redhai. Sesungguhnya hanya kepadaMu jua Ya Allah tempat Kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.  
عِبَادَ اللَّهِ ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ  
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكِّرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ  
يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

\*\*\*\*

Disediakan dan diedar oleh:  
Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA: Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi  
Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah  
Tel: 088-522142 / [jheains.penerbitan@gmail.com](mailto:jheains.penerbitan@gmail.com)



Pihak JHEAINS berusaha untuk mempertingkatkan kualiti khutbah Jumaat yang diterbitkan. Maklum balas dari pihak tuan/ puan amat dihargai. Sila semak QR code ini. Sekian, terima kasih.